

Sime Darby Property Memacu Pertumbuhan Inklusif Melalui Inisiatif CSR Bersasar

ARA DAMANSARA, 19 DISEMBER 2025 — Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Kumpulan”) terus memberikan impak bermakna kepada masyarakat melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (“CSR”) yang bersasar, bagi memperkasa komuniti serta memelihara alam sekitar di seluruh Malaysia.

Berpandukan komitmen terhadap pertumbuhan inklusif dan pembangunan yang bertanggungjawab, inisiatif CSR Kumpulan memberi tumpuan kepada pemerikasaan ekonomi, pembangunan belia serta kelestarian alam sekitar, sekali gus memperkukuh daya tahan komuniti dan meningkatkan kualiti hidup.

Salah satu teras utama agenda CSR Kumpulan ialah Program Pemerikasaan Ekonomi (Economic Empowerment Programme, “EEP”), yang menyokong pembangunan usahawan mikro dalam perbandaran Sime Darby Property. Pada tahun 2025, seramai 39 usahawan menamatkan Fasa 2 program ini, dengan purata peningkatan pendapatan sebanyak 242%, manakala 79% daripada mereka mencatat pendapatan bulanan yang lebih tinggi dengan purata RM7,643.

Para peserta turut merekodkan peningkatan purata sebanyak 110% dalam pengetahuan perniagaan, manakala 87% berjaya memperluaskan kehadiran digital mereka melalui platform seperti TikTok dan WhatsApp Business, sekali gus meningkatkan capaian pasaran serta kemampuan jangka panjang. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama People Systems Consultancy, mencerminkan fokus Kumpulan dalam membina perniagaan tempatan yang berdaya tahan dan mampu berdikari.

Antara kisah kejayaan program ini ialah Noradini Haji Abdul Razak, seorang usahawan yang menjual makanan dari rumahnya di Bandar Bukit Raja. Setelah menamatkan EEP, beliau berjaya mempelbagaikan tawaran produknya, memperoleh

kontrak katering berskala lebih besar dan mengambil seorang kakitangan sepenuh masa. Transformasi perniagaan ini dicapai sambil beliau menjaga suaminya yang menghidap penyakit limfoma, dengan pendapatan bulanan meningkat sehingga 900%.

“Sebelum menyertai program ini, saya tidak pernah berani menerima tempahan katering berskala besar atau berkembang di luar zon selesa saya. Melalui bimbingan dan sokongan yang diberikan, saya memperoleh keyakinan untuk membina semula bukan sahaja perniagaan saya, tetapi juga diri saya sendiri. Hari ini, saya telah memperluaskan produk, mengambil kakitangan dan menembusi pasaran baharu,” kata Noradini.

Selain pemerkasaan ekonomi, inisiatif CSR Sime Darby Property turut merangkumi pembangunan belia, pendidikan dan pemerkayaan budaya. Melalui Program Sukarelawan Sime Darby Property, seramai 733 sukarelawan telah menyumbangkan hampir 3,000 jam perkhidmatan kepada komuniti setempat. Kempen Fabric Recycling Movement pula berjaya mengumpul sebanyak 81,640 kilogram fabrik terpakai, menyokong amalan ekonomi kitaran dengan mengalihkan sisa tekstil daripada tapak pelupusan serta menggalakkan penggunaan yang bertanggungjawab.

Melalui Program Kembali Ke Sekolah (“Back-To-School Programme”), Sime Darby Property telah menyokong seramai 894 pelajar daripada 10 buah sekolah di Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan bagi membantu persediaan menghadapi tahun akademik. Pembangunan kepimpinan belia turut diperkukuh melalui kerjasama dengan Kesatuan Ragbi Selangor, melibatkan 130 pelajar daripada sembilan sekolah di Daerah Petaling Perdana, sekali gus memupuk disiplin, semangat kerja berpasukan dan keyakinan diri.

Penghargaan terhadap warisan budaya turut dipupuk melalui Bengkel Tarian di SK Setapak Indah dan SK Putra Heights 2, yang memperkenalkan lebih 540 pelajar kepada tarian tradisional Melayu, Zapin, yang terkenal dengan gerak langkah kaki yang halus serta irama yang dinamik. Dikendalikan oleh 24 jurulatih dan disokong oleh kira-kira 60 orang guru, bengkel ini menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeluruh bagi menyokong pembangunan holistik pelajar.

Kelestarian alam sekitar kekal sebagai komponen penting dalam pendekatan CSR Kumpulan. Melalui inisiatif seperti “Hooked on Biodiversity: Invasive Fish Out, Native Species In”, seramai 24 sukarelawan terlibat dalam usaha memulihkan keseimbangan ekologi di perairan tempatan, selari dengan agenda biodiversiti bandar Kumpulan. Sime Darby Property turut menganjurkan Kempen Kitar Semula “Let’s Protect Our Earth” di KL East Mall dan Ara Damansara bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap penggunaan dan pengurusan sisa yang bertanggungjawab.

Di KL East Mall, sukarelawan berjaya mengalihkan 38 kilogram minyak masak terpakai dan 83 kilogram bahan kitar semula daripada tapak pelupusan. Sementara itu, kempen di Ara Damansara berjaya mengumpul 200 kilogram fabrik terpakai, 250 kilogram sisa elektronik, hampir 300 kilogram kertas, 31 kilogram plastik, 22 kilogram besi serta 31 kilogram minyak masak terpakai, yang kesemuanya disalurkan kepada rakan kitar semula yang bertauliah.

Berteraskan matlamat jelas untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi dan planet, inisiatif CSR Sime Darby Property mencerminkan komitmen berterusan Kumpulan dalam menyampaikan impak positif yang melangkaui pembangunan fizikal, sekali gus mewujudkan nilai bersama untuk komuniti yang dilayaninya.

Usaha kolektif ini menegaskan peranan Sime Darby Property sebagai pemaju yang bertanggungjawab dan berpaksikan tujuan, di mana kemajuan tidak hanya diukur melalui pembangunan yang dilaksanakan, tetapi juga melalui kehidupan yang menerima kesan positif.

-TAMAT-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Bandar Hamilton Nilai. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, tempat pertama untuk 'All-Stars' di StarProperty Awards 2025, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Natalie Rose Ariffin | +6012-297 1820 | natalie.ariffin@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com